



KHAIRY JAMALUDIN beramah mesra dengan golongan belia yang hadir memeriahkan sambutan. - **UTUSAN/SHAFUDIN MOHD. NOR**

4,976 terima manfaat Program Satu Belia Satu Kemahiran

UTUSAN
MALAYSIA

16/5/2016 p.9

KUALA LUMPUR 15 Mei - Program Satu Belia Satu Kemahiran cetusan idea Majlis Belia Malaysia (MBM) sehingga kini telah memberi manfaat kepada 4,976 pelajar.

Presiden MBM, Muammar Ghadafi Jamal Jamaluddin berkata, sejak dijalankan pada tahun 2010, lebih 90 peratus lepasan program berkenaan telah diterima bekerja dalam pelbagai sektor.

“Program ini bertumpu kepada memberi kemahiran kepada belia yang selama ini dipandang serong oleh masyarakat kerana dianggap

tidak mempunyai masa depan.

“Bagaikan satu kepuasan bagi kami apabila melihat golongan ini berjaya dan menjadi kebanggaan ibu bapa mereka,” katanya ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Sambutan Hari Belia Negara 2016 di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini hari ini.

Majlis pelancarannya disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Muammar Ghadafi Jamal berkata, bagi mengukuhkan program

Satu Belia Satu Kemahiran pada masa hadapan, pihaknya sudah menjalankan kerjasama dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Jelasnya, kerjasama itu lebih tertumpu kepada usaha memastikan latihan yang diberikan kepada pelajar adalah berkualiti selain sijilnya mendapat pengiktirafan institusi pendidikan.

“Kami akan terus menjalankan usaha pembangunan belia berkualiti pada masa hadapan selaras dengan Dasar Belia Negara 2015,” ujarnya.